



PERWATAKAN WANITA MELAYU MUSLIM DALAM NOVEL ‘DIARI SEORANG JURURAWAT’ KARYA AMINAH MOKHTAR

[THE CHARACTERISTICS OF A MALAY MUSLIM WOMAN IN THE NOVEL ‘DIARI SEORANG JURURAWAT’ BY AMINAH MOKHTAR]

*Abdul Halim Ali & Ida Roziana Abdullah

Faculty of Languages and Communication
Sultan Idris Education University
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author: halim.ali@fbk.upsi.edu.my

Received: 11 August 2018, Accepted 22 November 2018

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis ciri-ciri perwatakan wanita Melayu Islam dalam novel ‘Diari Seorang Jururawat’ karya Aminah Mokhtar berasaskan Konsep Feminisme Talbiah. Konsep Feminisme Talbiah menggabungkan idea Feminisme Elaine Showalter dan pemikiran wanita Yusuf al-Qardhawi. Talbiah bermaksud menyerah diri secara mutlak kepada Allah SWT. Konsep Feminisme Talbiah memanfaatkan aspek tauhid sebagai elemen penting yang mendasari perwatakan wanita Melayu Islam yang menyerah diri secara mutlak dalam semua aspek kehidupannya baik dari sudut luaran dan dalaman. Aspek luaran terdiri daripada personaliti, ketakwaan dan budaya, manakala aspek dalaman pula terdiri daripada psikologi serta kerohanian. Dapatan kajian menunjukkan perwatakan watak utama dalam novel, iaitu Siti Munirah seorang wanita Melayu Muslim dari sudut personaliti, ketakwaan, budaya, psikologi dan kerohanian adalah sejajar dengan konsep talbiah yang berlandaskan ketauhidannya kepada Allah SWT. Dapat dirumuskan bahawa perwatakan watak wanita Muslim dalam novel ini berpaksikan kepada unsur ketauhidan dan unsur ketauhidan inilah yang diabaikan dalam pemikiran feminisme Barat.

Kata Kunci: Feminisme, Feminisme Talbiah, Ginokritik, Perwatakan, Tauhid

ABSTRACT

This paper aims to analyse the characteristics of a Muslim Malay woman as portrayed in the novel titled ‘Diary of a Nurse’ by Aminah Mokhtar from the perspective of Feminism Talbiah. The concept of Feminism Talbiah integrates Elaine Showalter’s notion of Feminism and Yusuf al-Qardhawi’s thoughts of Muslim women. Talbiah means a total surrender to Allah SWT. Tauhid is an essential element of a Muslim Malay woman who engages in total surrender to Allah SWT in terms of her personality, psychology, spiritual and other aspects of life. Textual analysis of the novel reveals that the main

character, who is a Muslim Malay woman named Siti Munirah, holds the concept of talbiah as reflected in her obedience to Allah SWT. This paper concludes the character of Siti Munirah is developed based on the element of tauhid, which is the element neglected in the western feminism.

Keywords: Feminism, feminism Talbiah, female character, Ginocritic, Malay, Muslim, tauhid.

Cite as: Ali, A.H., & Abdullah, I.R. (2018). Perwatakan wanita Melayu muslim dalam novel 'Diari Seorang Jururawat' karya Aminah Mokhtar [The characteristics of a Malay muslim woman in the novel 'Diari Seorang Jururawat' by Aminah Mokhtar]. *Journal of Nusantara Studies*, 3(2),147-161. <http://dx.doi.org/10.24200/jonus.vol3iss2pp147-161>

1.0 PENGENALAN

Wanita adalah ciptaan Allah SWT yang paling istimewa kerana sifat seseorang wanita yang penuh dengan kelembutan, keayuaan dan kesopanan. Keistimewaan yang terdapat pada wanita telah menjadikan mereka umpama tiang dalam sesebuah institusi keluarga, masyarakat dan negara kerana wanita menjadi model dalam membentuk sebuah generasi yang cemerlang. Dari persektif agama, Islam telah mengangkat darjat wanita kepada kehormatan, kemajuan dan perlindungan. Islam telah memberi perhatian yang optimum dalam isu pembentukan jati diri wanita dari segi individu, rumah tangga dan sosial agar mereka menjadi wanita yang hebat dan layak menjadi khalifah di muka bumi ini. Kini, wanita semakin mengorak langkah ke hadapan dan kecemerlangan mereka dalam pelbagai lapangan semakin diakui.

Penglibatan wanita dalam dunia penulisan novel di Malaysia amat menggalakkan terutama pada penghujung tahun 1990-an dan juga abad ke-21 dengan kemunculan nama-nama yang begitu terkenal seperti Rosmini Shaari, Nisah Haron, Khadijah Hashim, Fatimah Busu, Zaharah Nawawi, Aminah Mokhtar dan ramai. Penulis-penulis wanita telah berjaya menceburi bidang penulisan yang pada asalnya didominasi oleh penulis lelaki sejak tahun 1950-an lagi. Daripada tinjauan didapati bahawa karya kesusasteraan wanita mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Hal ini kerana penulis wanita lebih gemar memilih tema yang berkaitan dengan masalah mereka sendiri, karya-karya penulis wanita sering meningkatkan imej wanita di mata masyarakat, penulis wanita lebih gemar memilih watak utama yang terdiri daripada wanita sendiri, watak wanita yang dipilih adalah beraneka ragam dan penulis wanita juga akan menghuraikan watak wanita dengan lebih teliti.

Penglibatan penulis wanita dan watak-watak wanita yang dibawa mereka dalam novel sangat menarik untuk dilihat dan dikaji memandangkan perspektif wanita dalam teks adalah terbina daripada perspektif wanita itu sendiri. Misalnya, watak Mazni dalam 'Badai Semalam' oleh Khadijah (2011) yang memaparkan dunia kehidupan susah payah seorang wanita dari perspektif penulis wanita sendiri. Berbeza dengan gambaran wanita yang terlukis di tangan penulis lelaki seperti yang berlaku pada watak Salina dalam novel 'Salina' karya A. Samad (1991) atau watak Chah dalam novel *TIVI* karya Shanon (1995) yang menampakkan wanita dari sudut yang negatif. Di sinilah letaknya peranan teori feminisme yang menyediakan ruang kepada pembaca dan pengkritik untuk menganalisis dan menggambarkan wanita daripada pelbagai perspektif yang positif atau sebaliknya.

2.0 SOROTAN LITERATUR

Feminisme muncul di Barat pada awalnya sebagai sebuah pergerakan yang bertujuan untuk memperjuangkan hak-hak dan kesedaran bagi kaum wanita. Wanita dalam pandangan Barat

dilihat sebagai kaum yang rendah tarafnya dan meletakkan mereka sebagai kaum yang tidak sempurna, lemah dan bergantung pada kaum lelaki untuk meneruskan kehidupan. Malah, terdapat tokoh-tokoh falsafah era Yunani menganggap kedudukan wanita adalah rendah berbanding kaum lelaki. Thomas Aquinas, seorang ahli falsafah era Pertengahan yang kuat pegangan agama pernah menyatakan bahawa wanita sebenar tidak lengkap tanpa lelaki (Ali, 2018). Muncul di sebalik pandangan negatif terhadap kaum wanita itu kesedaran yang berhasrat untuk menimbulkan kesedaran kaum wanita, memperjuangkan hak-hak yang sama taraf dengan kaum lelaki, membebaskan wanita dari belenggu negatif serta menampilkan imej wanita dalam bentuk yang positif.

Menurut Hodgson-Wright sepertimana dipetik oleh Ali (2018), perjuangan feminisme awal melalui tiga cara, iaitu pertama, melalui usaha untuk melihat semula hakikat kedudukan perempuan dalam ajaran gereja. Kedua, dengan menentang berbagai buku yang cenderung mengekang perempuan pada zaman tersebut. Ketiga, dengan membangunkan rasa kebersamaan antara penulis perempuan. Perkembangan teori feminisme ini dapat ditelusuri dalam tiga gelombang, iaitu;

- i. Gelombang pertama bermula pada tahun 1890 hingga tahun 1920
- ii. Gelombang kedua pada tahun 1960-an – 1980-an, dan
- iii. Gelombang ketiga bermula pada 1980-an, iaitu era berkembangnya pemikiran pascamoden hingga kini

Perkembangan teori Feminisme ini juga dilihat dari sudut aliran yang dibawa oleh tokoh-tokohnya. Salah satu aliran feminisme yang memberi penekanan kepada wanita sebagai pusat pengalaman dan penulis ialah feminisme Ginokritik yang dipopularkan oleh Showalter (1979). Teori ini merupakan satu usaha sastera baharu yang bertujuan untuk membina kerangka kerja untuk kesusasteraan wanita (*women as a writer*) yang berbeza dengan kaedah kritik feminisme sebelumnya yang berasaskan wanita sebagai pembaca (*women as a reader*). Dengan menerima wanita sebagai pengarang karya-karya yang dikaji, maka makna, tema, genre dan struktur karya sastera itu datang daripada wanita (Sohaimi, 2014). Jelasnya, Ginokritik memberi tumpuan langsung kepada wanita sebagai 'pusat' yang menerbitkan makna bagi teks dan wanita itu sendiri.

Ginokritik yang dipopularkan oleh Showalter (1978) kemudiannya menjadi satu pendekatan kritik yang sangat popular, terutama dalam konteks untuk melihat dunia wanita dari perspektif wanita itu sendiri sebagai penulis dan pembaca. Koon (1992) menyebut Showalter membahagikan sejarah perkembangan penulisan dan kritikan sastera yang dihasilkan oleh wanita kepada tiga tahap, yang dikaitkan dengan istilah-istilah *feminine*, *feminist* dan *female*. Showalter (1979) menggunakan empat model utama untuk melihat keberkesanan ginokritik diaplikasikan dengan karya sastera, iaitu: -

- i. Model 1: Penulis Wanita dan Biologi Wanita
- ii. Model 2: Penulis Wanita dan Bahasa Wanita
- iii. Model 3: Penulis Wanita dan Psikologi Wanita, dan
- iv. Model 4: Penulis Wanita dan Budaya Wanita

Ginokritik ialah sejenis kritikan feminis yang eksperimental dan bersifat multibidang, menjurus pada hubungan dalaman wanita itu sendiri dan tidak perlu merujuk kepada pengaruh luar. Hakikatnya, ciri-ciri Ginokritik ialah cuba membebaskan diri daripada ikatan sistem

penandaan lelaki. Selain itu juga, Ginokritik lebih membicarakan takrif kewanitaan dan karya yang dihasilkan. Kesimpulannya, sesuatu karya sastera yang ditulis oleh penulis-penulis wanita harus dikritik oleh wanita juga. Hakikatnya, Ginokritik ini adalah satu usaha untuk memartabatkan penulis-penulis wanita yang melahirkan karya yang feminis serta pengkritik yang bersifat feministik.

Walau bagaimanapun, kesesuaian Ginokritik digunakan untuk menganalisis dan mengkritik watak-watak wanita Muslim yang berteraskan kepada cara hidup Islam dan bertunjangkan ketauhidan kepada Allah SWT tentunya ada limitasinya. Ginokritik Showalter (1986) tidak bertitik tolak daripada asas-asasnya yang boleh diyakini bersumberkan wanita daripada hakikat sebenar kejadiannya. Malah jauh sekali menghubungkan model-modelnya dengan hakikat sebenar kewujudan wanita sebagai satu watak yang berkait langsung dengan penciptaannya oleh Allah SWT. Wanita dalam konteks penciptaannya di sisi agama ialah satu makhluk yang dihiasi dengan sifat tunduk dan menyerah diri (talbiah) kepada perintah Allah SWT dalam semua tindak tanduknya.

Makalah ini bertujuan menganalisis ciri-ciri perwatakan wanita Melayu Islam dalam novel 'Diari Seorang Jururawat' karya Aminah Mokhtar berasaskan Konsep Feminisme Talbiah. Analisis daripada kajian ini membuktikan bahawa ciri-ciri perwatakan wanita Melayu Muslim dalam karya kesusasteraan yang dihasilkan pengarang Muslim dibina atas prinsip ketauhidan kepada Allah SWT dalam kehidupan mereka. Pemilihan kepengarangan Aminah Mokhtar ini kerana beliau merupakan seorang penulis wanita yang prolific dan karya-karya beliau masih belum banyak dikaji oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Aminah Mokhtar juga banyak mengutarakan isu-isu yang berkaitan dengan wanita Melayu Islam di dalam karya-karyanya. Aminah Mokhtar merupakan seorang penulis wanita Melayu Islam yang begitu aktif menghasilkan karya-karyanya. Perlu diakui, nama Aminah Mokhtar sebaris dengan nama penulis-penulis wanita yang popular di Malaysia serta karya-karyanya diminati oleh khalayak. Karya-karya yang dihasilkan oleh Aminah Mokhtar sering memaparkan watak utama seorang wanita Melayu Islam dan perwatakannya pula diserikan dengan nilai-nilai Timur serta tidak bertentangan dengan Islam. Aminah Mokhtar juga merupakan seorang pengarang wanita Melayu Islam yang menghasilkan karyanya berdasarkan hidup seharian. Karya-karya Aminah Mokhtar sarat dengan persoalan sosioekonomi, perbezaan darjat dalam masyarakat, kritik sosial, persoalan moral dan nilai-nilai falsafah hidup sehingga menimbulkan kesan yang cukup mendalam kepada para pembaca. Penulisan karya kreatif Aminah Mokhtar dikatakan sepenuhnya berpusat kepada wanita (*woman centered*) maka wanita mempunyai ruang dan kebebasan dalam melukis segala aspek kewanitaan yang berpaksikan kepada pengalaman mereka sebagai unsur utama dalam karya. Aminah Mokhtar sering memberi gambaran yang positif tentang kedudukan kaum wanita di dalam karya-karya agar dapat memberi impak kepada pembaca serta mampu mencontohi watak-watak wanita positif yang digambarkan di dalam karya. Rata-rata novel dan cerpen yang ditulis oleh Aminah Mokhtar dilukis dengan memberi fokus kepada permasalahan dan perwatakan wanita Melayu Islam yang mendukung watak protagonis. Unsur ini memperlihatkan Aminah Mokhtar begitu memberi keutamaan kepada golongan wanita untuk dijadikan subjek dalam karyanya. Aminah Mokhtar pernah memenangi tempat kedua dalam Sayembara VII, Cerpen Hadiah Esso-GAPENA melalui cerpen yang berjudul *Mujahidin*, Anugerah Sastera Utusan-Public Bank dan Anugerah Sastera Darul Takzim melalui puisi yang berjudul *Sesekali Pesakitku*, tempat kedua dalam Cerpen Formula Malaysia melalui cerpen yang berjudul *Keberangkatan ke Bintang*, tempat ketiga Hadiah Sako Bagi Novel Nasional melalui novel *Iman Markisa*, sagu hati dalam sayembara menulis novel sempena ulang tahun ke-50 Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui novel *Merdekalah Cinta*, sagu hati dalam Sayembara Mengarang Novel Sejarah Johor melalui novel

Aku Bukan Komprador dan Hadiah Sagu hati dalam Penilaian Hadiah Sako 2011 melalui novel *Ratap Rabitah*. Semua yang dicoretkan oleh Aminah Mokhtar adalah buat tatapan khalayak demi memberi sumbangan bermakna kepada bangsa, agama dan negara.

Teori Feminisme yang mengkhususkan kepada wanita merupakan satu teori yang begitu penting di Barat percaya bahawa wanita harus mempunyai persamaan ekonomi, politik dan sosial dengan lelaki serta perjuangan ini menular di Timur termasuklah di Malaysia. Perjuangan feminis ini bermula apabila berlakunya Revolusi Perancis pada tahun 1789 hingga 1799 dan seterusnya tersebar melalui media cetak serta aktiviti-aktiviti organisasi ke negara-negara lain untuk menuntut pembebasan dan hak yang merangkumi semua aspek kehidupan wanita.

Banyak kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu lebih menyentuh aspek sosial yang meliputi senario di sekeliling kehidupan kaum wanita. Walau bagaimanapun, perspektif dunia wanita tergambar daripada sudut pandangan feminisme Barat yang asasnya lahir dari idea-idea persamaan hak dan pembebasan wanita. Feminisme Barat ini membuka satu kerangka yang bersifat *women centric*, tanpa menghubungkan dunia wanita itu dengan hakikat sebenarnya penciptaannya. Feminisme Barat menerokai hanya satu sisi pandangan terhadap wanita daripada sudut feminis, namun Islam mempunyai pandangan yang lebih tuntas dan komprehensif terhadap wanita dalam semua aspek kehidupan. Apatah lagi sekiranya watak-watak wanita yang dibicarakan itu adalah watak dan perwatakan wanita Muslim. Di sinilah letaknya keperluan secara teoretikal sebuah konsep atau model kritik wanita yang mampu menampung kelompangan idea Ginokritik dan juga feminis Barat dalam analisis teks dengan memanfaatkan idea-idea Islam yang berkait langsung dengan wanita.

Islam mempunyai garis panduan yang jelas berhubung dengan kriteria seorang Muslimah sejati berpandukan al-Quran, al-Sunah dan pendapat ulama. Wanita dianggap golongan yang tinggi darjatnya dalam Islam. Perwatakan wanita Melayu ini menjadi lebih menarik sekiranya digabungkan dengan elemen-elemen yang ditetapkan oleh Islam. Bateriah dan Che Zarrina (2006) mengatakan setelah kedatangan Islam, wanita dimuliakan, dikembalikan haknya yang telah diselewengkan dan wanita diiktiraf oleh lelaki dalam kehidupan. Roziah Omar (dipetik dalam Norazit, Hashim, & Nor Hisham, 1997) menyatakan fungsi biologi dan reproduktif wanita merupakan aspek universal dalam kehidupan wanita, tetapi proses reproduktif wanita bukan hanya melibatkan biologi tetapi dipengaruhi oleh budaya. Budaya Melayu amat berbeza dengan budaya barat, dan persepsi konsep sendiri dan pengalaman wanita mereka sudah tentu berbeza. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat mengangkat martabat wanita muslim serta menyangkal bahawa Islam merupakan agama yang menafikan peranan serta tanggungjawab seseorang wanita.

Selain itu juga, Teori Feminisme yang dipelopori oleh Barat merupakan sebuah teori yang hanya berorientasikan keadaan hidup masyarakat di Amerika Syarikat, Perancis, Britain, Norway dan sebagainya. Secara ringkasnya pada tahun 1980-an, minat teoretis feminis dalam kajian perwakilan budaya tubuh wanita membawa pembacaan feminis yang produktif dan menerangi pembudayaan budaya (Wan Yahya, 2005).

Berasaskan pemahaman ini, jelas menunjukkan pandangan feminisme Barat terhadap wanita kurang sesuai dan serasi dengan pandangan agama Islam serta adat dan budaya Melayu. Roziah Omar (dipetik dalam Norazit, Hashim, & Nor Hisham, 1997) menegaskan pandangan rendah terhadap domestik dan fungsi reproduktif wanita dalam budaya Barat tidak patut diaplikasikan dalam budaya lain termasuk budaya Melayu. Wanita Melayu Islam di Malaysia perlu berwaspada dengan konsep teori tersebut kerana boleh membawa implikasi yang negatif.

Pergerakan ke arah “pembebasan wanita” yang ekstrem sepatutnya diterima secara berhati-hati oleh orang Islam kerana ia boleh memusnahkan rumah tangga dan keluarga yang akhirnya seluruh masyarakat yang akan binasa (Baterah & Che Zarrina, 2006). Cogan kata palsu tentang “hak wanita” dan “pembebasan wanita” hanyalah topeng untuk melakukan keruntuhan dan kemaksiatan sehingga membawa kepada gejala seks bebas dan sebagainya. Akibat yang paling pasti ialah keruntuhan institusi rumah tangga dan masyarakat. Sejarah tamadun terdahulu telah menjadi bukti sejarah bahawa umat yang buruk akhlaknya tidak akan dapat bertahan lama. Zeenath (2006) menyebutkan;

for the development and empowerment of women across the world, feminist views alone on women's issues cannot be taken as the global views on women's issues. Women movements of the U.S or any of the women's movement of any Western nation cannot be perceived as the global movement for women. The world model for women's empowerment based on a selected Western feminist perspective cannot be accepted as a world model for all women across the world. The United Nations should not impose the Western model of women's empowerment as a global model on other nations and cultures. (p. 128)

Oleh itu, dari satu sudut pandangan teori Feminisme Barat kurang sesuai dalam konteks untuk mempersepsikan dunia dan kehidupan wanita Melayu Islam yang terbentuk cara hidupnya dengan ajaran Islam dan akidah yang bertauhidkan Allah SWT serta membudayakan adat dan amalan sosial dengan budaya Melayu dan Islam. Dari sudut pengarang pula, rata-rata pengarang atau novelis Melayu adalah beragama Islam. Hakikat dan kesedaran terhadap tugas kepengarangannya tidak hanya berligar dalam kerangka kepengarangan dan kekreatifannya sahaja, tetapi juga tidak terkeluar daripada kerangka tauhid yang melatari tanggungjawab kesasteraannya. Ahmad (1982) menyebutkan bahawa peribadi seseorang penyair yang mengaku dirinya Islam harus juga mengikut cara hidup Islam dalam kegiatan sasteranya. Hasil penulisan penyair yang memiliki peribadi yang sedemikian, sesungguhnya menyerlahkan keagungan Tuhan dan Rahmat-Nya. Shafie Abu Bakar (dalam Mana, 2005) menyebutkan bahawa sang seniman adalah manusia yang sedar tentang tugas dan peranan kemuslimannya dalam kesusasteraan. Penulis Islam akan sentiasa berusaha memperbaiki karyanya supaya dapat membawa kesedaran pembaca kepada Allah SWT. Manakala Mohd Kamal (2011) menegaskan, sebarang *commitment* sasterawan kepada idealogi dan falsafah hidup selain daripada Islam seperti humanism (secular, kristian dan sosialis), materialisme dan sosialisme, eksistensialisme, nihilisme atau saintisme dengan sendirinya tidak melayakkan karya sastera itu digolong sebagai karya yang setia kepada nilai-nilai Islam.

Karya-karya yang ditulis pengarang Melayu Muslim memaparkan kebaikan serta gambaran idealisme Islam yang penuh dengan kesempurnaan manakala watak-wataknya pula digambarkan dalam bentuk manusia dalam kategori insan Kamil. Hamzah (1988), karya sastera yang baik dan berkesan, dapat memberikan satu pandangan yang luas tentang dasar Islam dalam menentukan cara hidup Islam yang berpandukan kepada sistem nilai dan moral kerohaniannya. Genre-genre sastera yang ditulis oleh pengkarya-pengkarya Melayu Islam kerap memaparkan watak-watak wanita yang berbangsa Melayu, di sekeliling oleh budaya serta resam Melayu dan yang paling utama seseorang wanita itu beragama Islam. Tidak dapat dinafikan bahawa Islam telah menjulang tinggi kedudukan, hak dan peranan wanita Muslimah. Mereka terdidik dengan asuhan Islam dan tidak lagi dipandang hina sebagaimana zaman pra-Islam atau diperalatkan sesuka hati di zaman Jahiliah moden. Seorang sarjana Islam, Dr Ibrahim Muhammad al-Jamal menegaskan bahawa Islam telah memelihara wanita dengan penuh kesempurnaan. Mereka telah dilindungi daripada dicemari maruah dan kehormatan

mereka. Malah menurut Islam, kesejahteraan dan kesempurnaan sesebuah masyarakat itu bertitik tolak daripada kemurnian peribadi, kedudukan dan hak wanita seperti yang dianugerahkan oleh Islam. Justeru, Teori Feminisme tidak boleh diaplikasikan kepada sesebuah genre sastera yang ditulis oleh pengkarya Islam di negara ini yang penuh dengan unsur-unsur keislaman kerana konsep teori ini lebih kepada perjuangan untuk menuntut hak wanita dari pandangan Barat. Sebaliknya, Teori Feminisme ini lebih sesuai diaplikasikan kepada karya-karya yang ditulis oleh penulis-penulis Barat yang sering mengeksploitasi wanita di dalam karya mereka serta menggambarkan wanita itu sebagai mangsa penindasan oleh kaum lelaki.

Pengamatan serta kajian yang dibuat masih belum ada sebuah teori sastera yang memfokuskan kepada wanita-wanita Melayu beragama Islam. Pengkaji mendapati Teori Feminisme ini bertentangan sepenuhnya dengan unsur-unsur ketauhidan yang berlandaskan al-Quran serta Sunah Rasulullah SAW. Allah SWT telah menggariskan ciri-ciri seorang wanita Islam yang sejati berpegang kepada al-Quran dan al-sunah. Pandangan umum al-Quran dan al-Sunah terhadap kedudukan wanita adalah sama dengan lelaki dari segi kemanusiaannya, iaitu kedua-duanya mempunyai sama hak dan sama kewajipan dalam melaksanakan tugas-tugas agama. Sebagaimana firman Allah yang bermaksud: “*Wahai manusia, bertakwalah kamu kepada Tuhan-mu yang telah menciptakan kamu dari satu jiwa*”. Wanita merupakan hamba Allah SWT dan mesti melakukan segala suruhan-Nya tanpa ada pengecualian. Di samping itu, perlu diingat bahawa wanita Islam dilarang keras menentang hukum-hukum Allah yang berkaitan dengan mereka kerana ditakuti akan menjejaskan keimanan mereka. Apa yang diharapkan agar mereka menerima peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Allah dengan hati yang terbuka, kerana di sebalik hukum-hukum tersebut terdapat kebaikan yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar manusia. Pendapat ini turut disokong oleh Zeenath (2006) yang menyebut;


The feministic model of women's empowerment differs from the Islamic concept of empowerment of women. Muslim women across the world should follow the Islamic concept of empowerment, which should be based on the spirit of the Qur'an and the Sunnah. If Muslim women face problems and difficulties from their local distorted cultures of their societies, or the global pressure from the Western culture, they should neither submit to the distorted local Muslim culture, nor should they surrender to the dominant Western culture. They should simply follow Islamic teachings on women's issues and should create and promote Islamic culture on women's issues.
(p. 128)

Ternyata Teori Feminisme Barat bertentangan dengan sifat-sifat wanita Islam yang mendukung kepada Tauhid dengan berlandaskan al-Quran serta al-Sunah. Teori Feminisme Barat ini lebih kepada satu perjuangan menuntut persamaan hak untuk wanita sehingga menjadi suatu revolusi yang lebih radikal dan berlawanan dengan ajaran Islam.

3.0 KERANGKA KONSEP


Dalam kajian ini, analisis memfokuskan kepada watak wanita Melayu Muslim bagi melihat keserasian ciri-ciri perwatakan yang digambarkan pengarang Muslim dengan prinsip-prinsip yang digariskan dalam Konsep Feminisme Talbiah. Konsep Talbiah yang menekankan aspek tauhid sebagai salah satu aspek penting menjadi sandaran perwatakan wanita baik daripada sudut dalaman dan luarannya. Menurut Zulkifli (2010), talbiah membawa pengertian menyerah diri secara mutlak kepada Allah SWT. Apabila mendokong konsep talbiah maka seseorang

wanita yang beriman mesti berikrar dan berpegang kepada ajaran tauhid demi meningkatkan ketakwaan terhadap Allah SWT. Aspek tauhid dimasukkan ke dalam kerangka konsep ini bagi mengisi kelompangan dalam feminisme Ginokritik yang dikemukakan oleh Showalter (1977). Pegangan tauhid ini terkandung dalam enam elemen berkaitan kedudukan wanita dalam Islam oleh Yusuf al-Qardhawi. Rajah 1 menunjukkan gabungan Ginokritik oleh Showalter (1977) dengan Kedudukan Wanita Dalam Islam oleh Yusuf al-Qardhawi.



Rajah 1: Gabungan Idea Ginokritik oleh Showalter (1977) dengan Kedudukan Wanita Dalam Islam oleh Yusuf al-Qardhawi.

Konsep menyerah diri kepada Allah SWT ini merujuk kepada agama Islam sebagai peraturan hidup dan diutuskan Rasul dan kitab sebagai panduan kepada manusia. Hakikatnya, pegangan tauhid ini bertepatan dengan kedudukan dalam Tauhid Rububiyah seperti yang diterangkan dalam al-Quran, iaitu Allah SWT tempat berserah menerusi firman Allah SWT dalam Surah *al-an'am* ayat 6(7) yang bermaksud: *Katakanlah, "Sesungguhnya petunjuk Allah itulah sebenar-benar petunjuk dan kita diperintahkan supaya berserah diri kepada Tuhan yang memelihara dan 9 sekalian alam"*. Kesimpulannya, talbiah membawa pengertian bahawa orang Islam yang beriman mesti berikrar dan berpegang kepada ajaran Tauhid demi untuk meningkatkan ketakwaan terhadap Allah SWT. Selain itu juga, talbiah merujuk kepada satu kezaman yang teguh agar tidak mensyirikkan atau menyekutukan Allah SWT dan rela berkorban menjadi seorang muslim yang sejati demi menegakkan agama Islam di muka bumi ini. Oleh itu, wanita yang mengamalkan Konsep Talbiah ini akan menjadi seorang wanita yang solehah serta berperibadi yang terpuji sebagaimana yang dituntut dalam Islam dengan berlandaskan keteguhan tauhidnya. Rajah 2 menunjukkan aspek luaran dan aspek dalaman seperti yang terkandung dalam Konsep Feminisme Talbiah.



Rajah 2: Konsep Feminsime Talbiah

Berdasarkan rajah di atas, Konsep Feminisme Talbiah terbahagi kepada dua aspek utama, iaitu aspek luaran dan aspek dalaman. Aspek luaran terbahagi kepada tiga elemen, iaitu personaliti, ketakwaan dan budaya. Aspek luaran ini merupakan sesuatu yang boleh dilihat seperti perbuatan, perlakuan, bentuk fizikal dan sebagainya. Aspek dalaman Konsep Feminisme Talbiah terbahagi kepada dua elemen utama, iaitu psikologi dan spiritual/kerohanian. Aspek dalaman ini menjurus kepada jiwa, akal, hati dan nafsu seseorang wanita itu. Jiwa yang bersih, iaitu beriman kepada Allah SWT dengan berlandaskan pegangan Tauhid dapat dipancarkan melalui keperibadian seseorang wanita itu.

4.0 ANALISIS KONSEP FEMINISME TALBIAH DALAM NOVEL KAJIAN

Siti Munirah dalam novel 'Diari Seorang Jururawat' karya Aminah (1996) digambarkan sebagai seorang wanita muda yang bertugas sebagai seorang jururawat di sebuah hospital. Siti Munirah merupakan seorang anak yatim piatu yang dipelihara oleh Ibu Rahmah seorang wanita yang telah kematian suaminya di sebuah kampung dengan penuh kasih sayang, diberi didikan agama dan duniawi secukupnya sehingga membesar sebagai seorang wanita Melayu yang hidup berpaksikan Islam sebagai pegangan yang kukuh serta di lingkari budaya Melayu. Siti Munirah juga digambarkan seorang wanita Melayu yang menjaga budi pekertinya sebagaimana yang diterapkan dalam diri masyarakat Melayu selari dengan tuntutan Islam. Novel ini juga mengisahkan peranan Siti Munirah sebagai seorang jururawat yang bergelumang dengan

pesakit pelbagai lapisan masyarakat. Turut memaparkan pergolakan jiwa Siti Munirah dalam alam percintaan yang memerlukan pengorbanan serta pasrah dengan ketentuan Allah SWT. Siti Munirah seorang jururawat kental dan gigih memberi panduan serta nasihat kepada insan-insan di sekelilingnya dengan sabar terhadap konflik yang melanda berlandaskan Islam sebagaimana menggambarkan kekuatan dirinya sendiri sebagai wanita Melayu yang Muslimah dan Mukminah.

4.1 Aspek Luaran Konsep Feminisme Talbiah

4.1.1 Personaliti

Siti Munirah dalam novel *Diari Seorang Jururawat* karya Aminah Mokhtar ini mewakili watak wanita Melayu Islam yang menjaga personalitinya sebagai seorang wanita Islam. Menurut Shahabuddin dan Rohizani (2002), daripada perspektif Islam, personaliti dimaksudkan sebagai sahsiah atau secara umumnya akhlak. Akhlak terbahagi kepada dua jenis, iaitu akhlak yang terpuji dan akhlak yang tercela. Akhlak juga boleh diertikan sebagai budi pekerti. Akhlak yang zahir dapat dilihat dan diukur dengan mata kepala manakala akhlak yang batin tersirat dalam lubuk hati. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan berikut: -

Aku tersenyum memandang tangannya. Lelaki, jabat tanganmu tidak perlu kusambut. Bukan hak tangan ini untuk menyentuhnya. Hanya persahabatanmu yang Tuhan izinkan untukku.

(Aminah, 1996, p. 236)

Petikan di atas menjadi bukti bahawa watak Siti Munirah memaparkan peribadi/imej wanita Melayu Islam yang menjaga maruahannya, iaitu enggan berjabat tangan dengan lelaki yang bukan muhrimnya. Islam juga tidak membenarkan seseorang wanita itu berjabat dengan lelaki yang bukan muhrim. Perbuatan berjabat tangan perlu terbatas kepada keperluan sahaja seperti dengan kaum kerabat. Dalam Islam tidak ada laporan hadis yang kukuh menyebut Rasulullah SAW pernah berjabat tangan dengan wanita asing. Yusuf Al-Qardhawi ada memetik kata-kata daripada Saidatina Aisyah RA bahawa Rasulullah SAW tidak pernah berjabat tangan dengan wanita dan perkara itu tidak pernah berlaku. Di samping itu, keengganan Siti Munirah berjabat tangan dengan lelaki turut bertentangan dengan budaya Melayu yang begitu menjaga adab dalam pergaulan antara lelaki dengan wanita.

4.1.2 Ketakwaan

Berdasarkan Kamus Istilah Fiqh (1997), *taqwa* bermaksud rasa takut dan kkuatir yang diikuti dengan kepatuhan dan ketaatan melaksanakan perintah-perintah Allah SWT dan menjauhi larangan-larangan-Nya serta mencontohi sunah Rasul-Nya. Watak Siti Munirah dalam novel karya Aminah Mokhtar ini merupakan seorang wanita Melayu Islam yang bertakwa kepada Allah SWT. Dia seorang yang beriman kepada Allah SWT dengan menunaikan perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Dalam novel ini watak Siti Munirah digambarkan sebagai seorang yang kuat beribadat dengan melakukan amalan-amalan wajib serta amalan-amalan sunat yang terdapat dalam Islam. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan berikut: -

Surah Yasin sudah kuulang beberapa kali. Segala doa yang aku tahu, segala doa yang diajarkan oleh arwah ibu Rahmah telah kucuba berulang-ulang. Tahajud telah kutunaikan. Sunat hajat telah kusempurnakan dan segala-galanya telah kulaksanakan.

(Aminah, 1996, p. 330)

Petikan di atas menunjukkan watak Siti Munirah sebagai seorang wanita Melayu Islam yang mempunyai ketakwaan yang tinggi kepada Allah SWT dengan kuat beribadat kepada-Nya kerana Allah SWT yang menguasai langit dan bumi. Hal ini dapat dibuktikan apabila dia akan memohon pertolongan daripada Allah SWT apabila mempunyai sebarang kesulitan kerana hanya Allah SWT sahaja yang mampu menolong hamba-Nya. Watak Siti Munirah juga digambarkan sebagai seorang wanita Melayu Islam yang memohon kepada Allah SWT agar menunjukkan jalan atas segala kekalutan yang menimpanya. Siti Munirah membaca surah Yasin, sembahyang sunat tahajud dan berserah kepada kekuasaan Allah SWT kerana hanya kepada-Nya tempat memohon pertolongan. Seperti yang dinyatakan oleh Ismail dan Mohd Azrul Azlen (2013, p. 233) diriwayatkan sebuah hadis daripada Rasulullah SAW yang bermaksud: “...dan Yasin ialah jantung al-Quran, tidaklah seorang hamba yang membacanya kerana menginginkan (keredhaan) Allah serta (kebahagiaan) negeri akhirat melainkan diampunkan baginya. Maka bacakanlah terhadap orang yang akan mati antara kamu.

4.1.3 Budaya

Budaya Melayu mengandungi dua unsur terpenting yang saling melengkapi, iaitu adat Melayu dan agama Islam. Kedua-dua unsur ini bertaut dan diintegrasikan menjadi satu ke dalam wadah kemelayuan. Watak Siti Munirah menggambarkan seorang wanita Melayu Islam yang berusaha mempertahankan warisan keturunannya agar tidak luput ditelan zaman. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan berikut: -

Dengan air mata yang berjuraian, kucium pipinya, dahinya dan tunduk mencium tangannya. Ibu, terima kasih kerana mengambil aku dari rumah anak-anak yatim itu, terima kasih ibu.

(Aminah, 1996, pp. 1-2)

Petikan di atas menunjukkan watak Siti Munirah ialah seorang anak yatim yang dibela sejak kecil oleh Ibu Rahmah, iaitu seorang ibu tunggal. Digambarkan watak Siti Munirah begitu menyayangi ibu angkatnya dan sebagai bukti sebelum berangkat ke Kuala Lumpur, dia telah memohon restu dengan mencium tangan Ibu Rahmah seperti yang dituntut dalam Islam sebagai menghormati ibu yang berkorban jiwa dan raga dengan memelihara dari kecil sehingga dewasa. Dalam budaya Melayu turut menekankan berbuat baik kepada ibu sebagaimana yang dituntut dalam Islam seperti perbuatan mencium tangan sebagai tanda memohon restu daripada seorang anak kepada ibunya. Menurut Mohammad Zaini (2012), Yusuf Al-Qardhawi menyatakan bahawa Islam telah berkali-kali mengulangi nasihat supaya menghormati ibu. Islam meletakkan nasihat tersebut di tempat kedua selepas nasihat mentauhidkan Allah serta beribadat kepada-Nya. Terbukti, Islam mengangkat martabat seorang ibu serta menghormatinya ke satu tahap yang tinggi. Menurut Yusuf Al-Qardhawi, perbuatan berbuat baik kepada ibu adalah meliputi; baik pergaulan terhadapnya, menghormatinya, merendahkan diri terhadapnya, mentaatinya dalam perkara yang bukan maksiat dan mendapatkan keredaannya dalam semua perkara sehinggakan di dalam jihad, kerana jihad adalah fardu kifayah tidak harus dilakukan tanpa keizinannya (Muhammad Hussain, 2006). Berbaik kepadanya adalah satu jihad. Maka, kedudukan ibu sangat tinggi di dalam Islam kerana pada mereka terdapatnya syurga anak-anak.

4.2 Aspek Dalaman Konsep Feminisme Talbiah

4.2.1 Psikologi

Watak Siti Munirah juga di dalam novel ini digambarkan seorang yang mempunyai psikologi yang kuat. Dia mempunyai pemikiran yang tajam dalam melakukan sesuatu tindakan. Hasil didikan dan bimbingan daripada ibu angkatnya, iaitu Ibu Rahmah dapat membentuk peribadi menjadi insan yang kuat mental serta boleh berfikir dengan rasional dalam hal-hal keagamaan dan kehidupan. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan berikut: -

Semalaman ayat-ayat suci dan zikir kubahahkan bibir. Semalaman air mataku tidak juga mahu kering. Semalaman kupujuk hati yang pilu. Semalaman hatiku dipujuk sayu. Dan aku pun menangis semahu-mahunya.
(Aminah, 1996, p. 330)

Petikan di atas menunjukkan watak Siti Munirah ialah seorang wanita Melayu Islam yang menyerahkan diri kepada Allah SWT untuk mendamaikan perasaan dan jiwa apabila ditimpa ujian. Watak Siti Munirah menangis kesedihan dan bermunajat kepada Allah SWT agar diberi kekuatan sehingga menitikkan air mata. Perlakuan Siti Munirah itu menunjukkan kekuatan imannya kerana menjadikan Allah SWT sebagai tempat untuk mengadu dan tidak melakukan perkara-perkara yang dilarang dalam Islam. Walaupun ditimpa situasi yang sukar, Siti Munirah tetap berserah kepada Allah SWT kerana Dia Maha Mengetahui dan Maha Mengasihani.

4.2.2 Spiritual/Kerohanian

Watak Siti Munirah dalam novel tersebut memperlihatkan seorang wanita Melayu Islam yang mempunyai spiritual/kerohanian yang tinggi. Watak ini menggunakan pengaruh Tauhid dalam kehidupan, tindakan dan pemikirannya sebagai umat manusia yang membentuk masyarakat Islam. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan berikut: -

Aku bermohon pada-Mu ya Allah, dengan segala tempat kemuliaan aras-Mu, dengan rahmat yang setinggi-tingginya daripada kitab-Mu, dengan nama-Mu yang Maha Agung. Kesungguhan-Mu yang Maha Tinggi dan kalimat-kalimat-Mu yang Maha Sempurna yang tidak melampaui oleh orang yang berbuat kebajikan dan yang berbuat kejahatan.
(Aminah, 1996, p. 341)

Petikan di atas menunjukkan watak Siti Munirah ialah seorang wanita Melayu Islam yang beriman kepada Allah SWT, iaitu menyerahkan diri sepenuhnya kepada Allah SWT dan memohon pertolongan kepada-Nya untuk menyelesaikan perkara-perkara yang menimpa diri hamba-Nya itu. Menurut Abdul Majid (1999), Yusuf Al-Qardawi menjelaskan Tauhid dapat memberi kekuatan jiwa yang besar kepada seseorang. Apabila ditimpa kesusahan atau petaka, tidak meminta perlindungan kepada yang lain malah hati akan terus kepada penciptanya. Hanya kepada-Nya tempat memohon pergantungan dan pertolongan dengan rasa penuh tunduk, memohon dan kembali kepada-Nya. Sabda Nabi Muhammad SAW kepada Ibnu Abbas: *Apabila engkau memohon, pohonlah kepada Allah dan apabila engkau meminta pertolongan maka pintalah pertolongan dengan Allah.* Selain itu, watak Siti Munirah juga adalah seorang wanita Melayu Islam yang mengakui keesaan Allah SWT. Dia seorang yang patuh kepada Allah SWT dengan penuh rasa kecintaan kepada-Nya. Dia mempercayai Allah SWT dan mengesakannya, iaitu berpegang kepada prinsip tiada tuhan selain Allah SWT. Hal ini dapat

dibuktikan apabila watak Siti Munirah tidak jemu-jemu beribadat, berdoa kepada-Nya dan meyakini kekuasaan Allah SWT. Keyakinan kepada kekuasaan Allah SWT ini meliputi meyakini Allah Maha Berkuasa ke atas segala sesuatu, sentiasa bergantung pada Allah SWT dan sebagainya.

5.0 KESIMPULAN

Dengan berpandukan Konsep Feminisme Talbiah, perwatakan watak-watak wanita dalam novel yang dihasilkan pengarang Muslim (dalam kajian ini watak Siti Munirah) dapat digambarkan aspek perwatakan luaran dan dalamannya sejajar dengan enam elemen wanita Islam seperti yang disebut oleh Yusuf al-Qardhawi, iaitu wanita sebagai insan, wanita sebagai perempuan, wanita sebagai ibu, wanita sebagai anak, wanita sebagai isteri dan wanita sebagai anggota masyarakat.

Rumusannya, watak Siti Munirah dalam novel *Diari Seorang Jururawat* karya Aminah Mokhtar menepati elemen-elemen yang terdapat dalam Konsep Feminisme Talbiah. Kupasan novel ini dilakukan merangkumi aspek luaran dan aspek dalaman daripada Konsep Feminisme Talbiah yang terdiri daripada; personaliti, ketakwaan, budaya, psikologi, dan spiritual/kerohanian. Ternyata terdapat keserasian dalam novel ini berkaitan watak wanita Melayu Islam serta pengkaryanya yang juga seorang wanita Melayu Islam dengan Konsep Feminisme Talbiah. Teori Feminisme yang didokong oleh Barat ternyata tidak menepati kehendak masyarakat Melayu yang beragama Islam. Di samping itu, terdapat pertentangan yang begitu ketara dalam prinsip-prinsip Teori Feminisme dengan landasan kehidupan masyarakat Melayu yang beragama Islam serta budaya masyarakat Melayu yang hidup bersendikan adat. Lukisan perwatakan wanita Melayu Islam dalam karya-karya penulis wanita Melayu Islam berlawanan dengan gambaran yang sering diberikan melalui kajian oleh sarjana Barat dengan menggunakan Teori Feminisme.

Kajian untuk mengetengahkan Konsep Feminisme Talbiah ini dibuat agar bertepatan dengan ajaran Islam. Islam agama yang sempurna. Oleh itu, kewujudan satu konsep yang menepati ciri-ciri seorang wanita Melayu yang beragama Islam selaras dengan al-Quran dan Sunah Nabi Muhammad SAW amat dialu-alukan. Maka, timbullah Feminisme Talbiah yang menggunakan Tauhid sebagai landasan utama kajian supaya bertepatan dengan landasan keislaman yang hakiki ke arah melahirkan wanita Melayu yang Muslimah dan Mukminah.

Perjuangan untuk mengangkat martabat wanita tidak pernah padam. Realitinya, perbincangan dan kupasan yang berkaitan dengan ruang lingkup wanita begitu luas terbentang. Hal ini bertepatan dengan peranan wanita itu merupakan aset dalam sesebuah negara. Rasid (2010), menjelaskan Islam telah mengangkat martabat wanita di mana mereka dianggap kelompok penting dalam masyarakat. Wanita tidak lagi dianggap sebagai warganegara kelas dua, tetapi setaraf dengan kaum lelaki. Malah, dalam hal-hal tertentu wanita dianggap lebih penting berbanding lelaki.

RUJUKAN

- A. Samad, S. (1991). *Salina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Majid, A. (1999). *Pengertian tauhid*. Selangor: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Ahmad, J. H. (1982). *Pagi redup*. Kuala Lumpur: Berita Minggu.
- Ali, A. H. (2018). *Inti sari teori barat dan Malaysia*. Shah Alam: NHA Excell Resources.

- Aminah, M. (1996). *Diari seorang jururawat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baterah, A. & Che Zarrina, S. (2006). *Islam dan imansipasi wanita*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hamzah, H. (1988). *Konsep dan pendekatan sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Ismail, K. & Mohd Azrul Azlen, A. H. (2013). *Indahnya hidup bersyariat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Kamus Istilah Fiqh. (1997). Batu Caves: Advance Publication.
- Khadijah, H. (2011). *Badai semalam*. Shah Alam: Selangor.
- Koon, W. S. (1992). *Kritikan sastera daripada perspektif feminisme: Dari penjara kebisuan ke medan kefasihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana, S. (2005). *Teori sastera kontemporari*. Selangor: Pustaka Karya.
- Mohammad Zaini, Y. (2012). *Ciri-ciri unggul masyarakat Islam yang kita idamkan: Prof. Dr. Yusuf Al-Qardhawi*. Kuala Lumpur: Penerbitan Seribu Dinar Sdn. Bhd.
- Mohd Kamal, H. (2011). *Voice of Islamic moderation from the Malay world*. Kuala Lumpur: EMIR.
- Muhammad Hussain, A. (2006). *Darjat wanita dalam Islam*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Norazit, S., Hashim, A., & Nor Hisham, O. (1997). *Masyarakat Melayu antara tradisi & moden*. Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Rasid, M. (2010). *Merintis kecemerlangan Islam*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Shahabuddin, H. & Rohizani, Y. (2002). *Teori personaliti dari perspektif Islam timur & barat*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Shannon, A. (1995). *TIVI*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Showalter, E. (1978). *A literature of their own: From Charlotte Bronte to Doris Lessing*. London: Virago Press.
- Showalter, E. (1977). *Literature of their Princeton*. New Jersey: Princeton University Press.
- Showalter, E. (1979). *Toward a feminist poetics*. Dalam Mary Jacobus (ed). *Women writing and writing about women* (pp. 25-40). London: Croom Helm.
- Showalter, E. (1986). *The new feminist criticism: Essays on women, literature and theory*. London: Virago.
- Sohaimi, A. A. (2014). *Teori dan kritikan sastera (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Yahya, W. R. (2005). *Relationships between women in Sarah Daniels' play 'Neptune'*. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 13(1), 67-82.
- Zeenath, K. (2006). *Muslim women at the crossroads the rights of women in Islam and general Muslim practices*. Batu Caves: Thinker's Library Sdn. Bhd.

Zulkifli, M. A. (2010). *Talbiah: Hikmah, rahsia & permasalahan hukum*. Selangor: Darul Syakir Enterprise.